



PETIKAN AKHBAR

RM167.98 juta disalurkan untuk sokong industri pertanian & jaminan makanan

PETIKAN AKHBAR | 15 JULAI 2021



KUALA LUMPUR, 15 Julai – Sebanyak RM167.98 juta pembiayaan telah disalurkan kepada golongan petani, peladang dan nelayan setakat 2 Julai, 2021 bagi menyokong industri pertanian dan makanan negara.

Menteri Kewangan Tengku Datuk Seri Zafrul Abdul Aziz berkata pembiayaan tersebut adalah sebahagian daripada RM400 juta yang diperuntukkan bagi golongan tersebut.

“Di bawah skim sokongan industri pertanian dan makanan ini, RM350 juta merupakan peruntukan di bawah Skim Pembiayaan Mikrokredit Agrobank.

“Jaminan makanan amat dititikberatkan dalam PENJANA (Pelan Jana Semula Ekonomi Negara) dan Belanjawan 2021,” katanya dalam laporan Unit Pelaksanaan dan Koordinasi Stimulus Ekonomi Antara Agensi Nasional (Laksana) ke-61 yang dikeluarkan pada Khamis.

Beliau berkata di bawah skim sokongan penggunaan teknikal dan digital bagi perusahaan kecil dan sederhana (PKS) serta syarikat di peringkat pertengahan, sejumlah RM76.62 juta telah disalurkan kepada 13,873 perniagaan

dalam bentuk geran dan pinjaman untuk langganan perkhidmatan digitalisasi, setakat 2 Julai.

Tengku Zafrul berkata sebanyak 322,177 majikan dan 2.64 juta pekerja juga telah menerima manfaat Program Subsidi Upah (PSU) 1.0 di bawah Pakej Rangsangan Ekonomi Prihatin Rakyat dan PENJANA.

Beliau berkata setakat 2 Julai, permohonan subsidi upah yang diluluskan telah mencapai nilai RM12.907 bilion.

Bernama

 [Siaran Media](#)

 [Koleksi Ucapan](#)

 [Petikan Akhbar](#)

 [Foto](#)

 [Video](#)

 [Pengumuman](#)

 [Laporan LAKSANA](#)

 [Tender](#)

POPULAR TAGS

BERNAMA

TENGKU ZAFRUL

BAJET 2022

COVID-19

LAPORAN LAKSANA

TMK I

PENJANA

KELUARGA MALAYSIA

PRIHATIN

PRICE OF PETROLEUM

HARGA MINYAK

BUDGET 2022